



KENYATAAN MEDIA

SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2020 “BUMI LESTARI: KANAK-KANAK DILINDUNGI”

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan meraikan sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 pada 17 Oktober ini. Pada tahun ini **BUMI LESTARI: KANAK-KANAK DILINDUNGI** telah dipilih sebagai tema Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2020 selari dengan tema Hari Kanak-kanak Peringkat Antarabangsa iaitu “*Climate Change: For Children, by Children*”. Tema ini merupakan suatu manifestasi tanggungjawab Kerajaan dan masyarakat Malaysia untuk bersama-sama berganding bahu dalam memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak pada hari ini dan pada masa hadapan.

Sambutan Hari Kanak-Kanak pada tahun ini akan dilaksanakan dalam suasana yang agak berbeza dengan mengamalkan norma baharu memandangkan negara masih berjuang dalam memutuskan rangkaian penularan wabak pandemik Covid-19. Walau bagaimanapun, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tetap berusaha merealisasikan sambutan ini bagi memastikan penyertaan dan pengiktirafan kanak-kanak tetap menjadi agenda utama dalam perkhidmatan Jabatan.

Menurut bancian penduduk Malaysia bagi tahun 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, menunjukkan bahawa 28.5 peratus daripada 32.6 juta jumlah keseluruhan penduduk Malaysia adalah terdiri daripada kanak-kanak. Sejumlah 9.3 juta orang kanak-kanak yang terdiri daripada 4.8 juta kanak-kanak lelaki dan 4.5 juta kanak-kanak perempuan ini merupakan kumpulan yang mudah terdedah kepada pelbagai perkara yang boleh mengganggu keseimbangan pertumbuhan dari segi psikologi dan psikososial mereka.

Kementerian merasakan bahawa kemajuan dan kemakmuran negara sudah pasti tidak akan membawa erti yang sebenarnya sekiranya tiada usaha bagi menangani isu-isu semasa berkaitan dengan kanak-kanak khususnya berkaitan dengan kelestarian alam dan masa hadapan kehidupan kanak-kanak. Alam semula jadi wajar dipelihara sebaiknya dan generasi kanak-kanak perlu dipupuk nilai sayang dan cinta kepada alam sekitar. Oleh yang demikian adalah sangat wajar untuk kita berganding bahu dan bersama-sama menggerakkan usaha global bagi mengurangkan impak perubahan iklim akibat daripada aktiviti manusia.

Selamat menyambut Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 bertemakan Bumi Lestari: Kanak-kanak Dilindungi.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
PUTRAJAYA
16 OKTOBER 2020**